

Laporan penuh banglo berisiko 8 Januari

Kuala Lumpur: Laporan penuh berkaitan status banglo di lereng bukit di Jalan Kelab Ukay 2, Taman Kelab Ukay, Ampang dekat sini, dan kejadian pergerakan tanah di kawasan tersebut akan diserahkan kepada kerajaan negeri Selangor 8 Januari ini, kata Ahli Dewan Undangan Negeri Bukit Antarabangsa Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Menteri Hal Ehwal Ekonomi itu berkata, keputusan untuk tindakan terhadap banglo itu akan ditentukan selepas satu laporan penuh agensi teknikal terlibat iaitu Jabatan Kerja Raya (JKR), Pejabat Daerah dan Tanah Gombak, Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) serta Jabatan Mineral dan



Pada 8 Januari itu nanti kita akan tahu punca kejadian dan apakah tindakan mitigasi dan pemulihan selanjutnya"

Mohamed Azmin

Geosains (JMG) diperolehi pada tarikh tersebut.

"Pada 8 Januari itu nanti kita akan tahu punca kejadian dan apakah tindakan mitigasi dan pemulihan selanjutnya terhadap rumah banglo yang terlibat dan juga kawasan sekitar.

"Belum ada keputusan muktamad sama ada rumah



itu dirobohkan. Apa yang penting ialah keselamatan penduduk sekitar dan mengembalikan keyakinan kepada mereka bahawa kawasan ini selamat diduduki," katanya kepada pemberita selepas meninjau kawasan

banglo itu semalam.

Khamis lalu, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Zuraida Kamaruddin mengarahkan banglo tersebut diroboh manakala tiga yang lain dikosongkan susulan insiden pergerakan tanah itu.

Arahan itu dikeluarkan bagi mengelak kejadian lebih buruk berlaku, termasuk kejadian tanah runtuh di kawasan berkenaan.

Susulan kejadian itu banglo berkenaan dikosongkan dan pemilik difahamkan kini tinggal bersama anggota keluarga lain di Wangsa Maju, manakala jiran sebelah pula mengosongkan kolum renangnya bagi mengurangkan tekanan terhadap kawasan terlibat.